




■ **KETUA** Jabatan Komputer, Encik Mohd Yassin Shariff, memberi taklimat mengenai cara-cara menggunakan komputer kepada 20 kakitangan perkeranian. — Gambar-gambar Berita Harian.



■ **PAPANTANDA** dan logo Bank Islam di Ibu Pejabat, Jalan Raja Laut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Pelancaran Bank Islam: Dr M buka akaun pertama

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diberi penghormatan membuka akaun pertama di Bank Islam pada 1 Julai, hari pelancaran bank itu.

Bank Islam yang memberi khidmat berlandaskan ciri-ciri Islam sepenuhnya, seterusnya akan memulakan operasi pada hari Jumaat itu di Ibu Pejabatnya di Jalan Raja Laut.

Persiapan untuk memulakan operasi itu sedang berjalan lancar dan mengikat jadual. Cawangan yang mempunyai 15 kaunter itu dijangka dapat melayan kira-kira 1,000 pelanggan sehari.

Tinjauan *Berita Harian* menunjukkan semua kelengkapan hampir siap dipasang, termasuk alat-alat komputer.

Di ruang luar kaunter, lebih 30 orang mengikuti kursus dan taklimat mengenai penggunaan komputer dari Ketua Jabatan Komputer, Encik Mohd Yassin Shariff.

Golongan gadis yang mengikuti taklimat itu berpakaian kemas, berbaju kurung dan bertudung. Mereka asyik mendengar penerangan dari Encik Yassin meskipun dalam keadaan tempat dan suasana yang kurang selesa.

Menguji

Beberapa pegawai kanan Bank Islam menguji mesin komputer di bahagian dalam. Semuanya 12 mesin dipasang.

Ketua Jabatan Organisasi dan Kaedah, Encik Ismail Ariffin berkata, alat komputer itu lebih kemas dan comel berbanding dengan jenis yang digunakan oleh bank-

bank lain.

Ruang menunggu dan tempat menulis lebih luas dari bank lain dan rekabentuk cawangan itu juga berunsur keislaman.

Dua papan tanda besar 'Bank Islam Malaysia Berhad' bertulisan rumi dan jawi serta logo Bank Islam dipasang di bahagian luar. Orang ramai yang memasuki ruang dalam cawangan pertama bank itu akan memasuki pintu yang juga diukir dengan logo Bank Islam.

Suasana

Pelanggan-pelanggan, khususnya yang beragama Islam, tidak akan ragu-ragu kerana suasana di sekitar bank itu menggambarkan ciri-ciri keislaman. Pengarah Urusan Bank Islam, Dr Abdul Halim Jamal dan pegawai-pegawainya juga telah memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat Islam di seluruh negara mengenai

majlis ceramah dan dialog.

Bellau juga akan memberitahu orang ramai mengenai tugas dan fungsi Bank Islam yang pertama itu, untuk mengelakkan golongan tertentu mengelirakan fikiran rakyat supaya jangan menyokong dan berurusan dengan bank itu.

Cawangan kedua bank itu akan dibina di Kuala Terengganu tahun ini juga. Ini akan diikuti dengan cawangan-cawangan di Kota Bharu, Alor Setar dan Ibu-ibu negeri lain.

Dr Halim sendiri memberi jaminan, jika tiada halangan, 15 cawangan Bank Islam akan dibuka dalam masa tiga tahun, dengan kadar lima cawangan setahun.

Pemimpin-pemimpin dan rakyat beragama Islam yakin Bank Islam akan mendapat sambutan baik dalam tempoh yang singkat, seperti juga Amanah Saham Nasional.